

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/6/2010

Peserta misi kemanusiaan Palestin dialu-alu

KUALA LUMPUR 11 Jun – Perdana Global Peace Organization (PGPO) mengalu-alukan penyertaan lebih ramai rakyat Malaysia dalam menayakan misi bantuan kemanusiaan ke Palestin pada masa akan datang.

Penaung PGPO, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, jumlah peserta yang ramai diperlukan memandangkan pihaknya merancang untuk menggerakkan misi baru dengan kumpulan kapal yang lebih besar, September ini.

“Perjuangan ini (bantuan kemanusiaan) belum selesai. Dengan penyertaan yang lebih besar, kita mahu melihat bagaimana Israel memandangnya nanti.

“Kekejaman yang Israel lakukan terhadap misi bantuan sebelum ini telah membuka mata dunia terhadap sikap sebenar mereka,” katanya.

Beliau berucap pada majlis doa selamat meraikan kepulangan sukarelawan Malaysia yang menyertai misi kemanusiaan menerusi kapal Rachel Corrie di sini hari ini.

Dalam dua insiden baru-baru ini, dua kapal aktivis iaitu Mavi Marmara dan Rachel Corrie serta beberapa sukarelawan PGPO turut ditahan oleh pihak berkuasa Israel.

Enam sukarelawan Malaysia yang berada di atas kapal Rachel Corrie ialah Ahli Parlimen Parit, Mohd. Nizar Zakaria; Shamsul Akmar Musa Kamal,

Matthias Chang dan Ahmad Faizal Azumu dari PGPO serta Halim Mohamed dan Mohd. Jufri Judin (TV3).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, serangan terhadap misi kemanusiaan sebelum ini membuktikan kekejaman Israel bukan hanya kepada rakyat Palestin.

“Mereka juga sanggup membunuh sukarelawan yang terlibat dengan kerja-kerja kemanusiaan. Tetapi, tindakan itu menarik perhatian seluruh dunia yang kini lebih mengenali sikap sebenar Israel,” ujarnya.

Mengenai tanggapan sesetengah pihak bahawa misi bantuan kemanusiaan sebelum ini gagal, Dr. Mahathir mengakui hakikat itu.

“Ia memang gagal, tetapi dari segi lain kita berjaya menarik perhatian dunia tentang kekejaman Israel,” katanya.

Sementara itu, Shamsul Akmar ketika ditemui berkata, misi bantuan seterusnya perlu digerakkan agar momentum rasa benci dan marah dunia terhadap Israel tidak terhenti begitu sahaja.

Mengenai nasib kapal Rachel Corrie jelasnya, ia masih berada di bawah tahanan Israel di Pelabuhan Ashdod.

“Kami amat berharap agar segala bentuk bantuan yang berada dalam kapal itu seperti simen, ubat-ubatan dan alat tulis dapat dipulangkan atau diserahkan kepada rakyat Palestin,” tambahnya.



DR. MAHATHIR Mohamad menyampaikan sijil kepada sukarelawan Malaysia misi bantuan kemanusiaan ke Gaza pada majlis kesyukuran di Jalan Perdana Taman Tasik Perdana, semalam.